


Tertib Surah	Nama Surah	Bilangan Ayat	Bilangan Ruku'	Makkiyyah / Madaniyyah	Tertib Turun	Bilangan Paragraf
Ke-13	Ar-Ra'd	43	6	Makkiyyah	Ke-96	3



Zaman Diturunkan

Surah ar-Ra'd diturunkan di peringkat akhir kehidupan Rasulullah s.a.w. di Mekah, besar sekali kemungkinan ia diturunkan selepas Surah Yusuf pada tahun ke-12 Kenabian, pada ketika itu pakatan jahat dalam menentang Rasulullah s.a.w. sedang dijalankan. Pelbagai tipu daya dan helah jahat dirancang (Ayat: 33 dan 42). Orang-orang musyrikin Mekah semakin kuat berpegang dengan kesyirikan mereka (Ayat: 33), mereka juga semakin kuat mengingkari kerasulan Muhammad (Ayat: 43) dan mengingkari kepercayaan kepada hari akhirat. Pendek kata, pertentangan antara haq dan bathil pada ketika itu betul-betul berada di kemuncaknya. Sesetengah 'ulama' menganggap surah ini adalah Surah Madaniyyah tetapi yang sebetulnya bukanlah begitu, ia adalah Surah Makkiyyah.

Ciri-Ciri Khusus Surah

Surah ar-Ra'd termasuk dalam surah-surah Makkiyyah yang mempunyai gaya bahasa yang sangat menarik, ia penuh dengan keindahan bahasa dan sangat padat serta ringkas, selain itu ia juga penuh dengan dalil-dalil **أفريقي** dan **أنفسي** yang kuat. Dilihat dari sudut ini, banyak sekali keserupaannya dengan Surah Qaf. Surah ar-Ra'd adalah satu surah yang sangat mendalam kesannya dan indah gaya bahasanya.

Perkaitan Surah Ar-Ra'd Dengan Surah Sebelum Dan Selepasnya

1. Di dalam Surah Yusuf, kebenaran yang berada di pihak Nabi Yusuf dan kebathilan di pihak penentang-penentangannya dikemukakan dalam bentuk sebuah kisah. Di dalam Surah ar-Ra'd pula, kebenaran dan kebathilan dibuktikan berdasarkan dalil-dalil **عقلي** dan **أفريقي**. Tauhid adalah benar dan syirik adalah karut, dibuktikan dengan dalil-dalil itu.
2. Di akhir Surah Yusuf, seruan Rasulullah s.a.w. dikatakan sebagai seruan kepada Allah **على بصيرة** yang bermaksud secara sangat jelas dan terang, di dalam Surah ar-Ra'd ini kebenaran tauhid, kerasulan dan kepercayaan kepada hari akhirat dibuktikan dengan dalil-dalil yang sangat jelas dan terang dengan gaya bahasa yang sungguh menarik.
3. Di dalam Surah Ibrahim akan datang dinyatakan satu hakikat bahawa kerana adanya kesedaran bersyukur manusia secara semula jadi akan terdorong untuk menerima tauhid. Di dalam surah ini dan juga surah berikutnya ada disebutkan tentang **اولو الالباب** (orang-orang yang bijaksana). Ahli tauhidlah golongan yang paling tepat dengan **اولو الالباب** itu.

Beberapa Kata Kunci Dan Tema Utama Surah

1. Di dalam Surah ar-Ra'd terdapat tuntutan supaya menerima tauhid uluhiyyah dan kepercayaan kepada hari kemudian.

Di dalam Surah ar-Ra'd ini setelah dijelaskan tentang tauhid rububiyah kepada orang-orang musyrikin,

syirik dibatalkan dan tauhid ditsabitkan (Ayat: 16).

قُلْ مَنْ رَبُّ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ قُلِ اللَّهُ قُلْ أَفَاتَّخَذْتُمْ مِنْ دُونِهِ أَوْلِيَاءَ لَا يَمْلِكُونَ أَنْفُسِهِمْ نَفَعًا وَلَا ضَرًّا قُلْ هَلْ يَسْتَوِي الْأَعْمَىٰ وَالْبَصِيرُ أَمْ هَلْ تَسْتَوِي الظُّلُمَاتُ وَالنُّورُ أَمْ جَعَلُوا لِلَّهِ شُرَكَاءَ خَلَقُوا كَخَلْقِهِ فَتَشَبَّهُوا خَلْقَهُ عَلَيْهِمْ قُلِ اللَّهُ خَلَقَ كُلَّ شَيْءٍ وَهُوَ الْوَاحِدُ الْقَهَّارُ ﴿١٦﴾

2. Di dalam Surah ar-Ra'd ini juga terdapat tuntutan supaya menerima tauhid uluhiyyah.

Setelah menjelaskan kepada orang-orang musyrikin mekah tentang tauhid, qudrat dan iradat, mereka diminta supaya menerima tauhid uluhiyyah.

(a) Dikatakan kepada orang-orang musyrikin bahawa Allahlah yang melepaskan kilat dan hujan, Dialah yang menguasai sekalian alam, Dialah yang Maha berkuasa dan berkehendak (Ayat: 12).

هُوَ الَّذِي يُرِيكُمْ الْبَرْقَ خَوْفًا وَطَمَعًا وَيُنْشِئُ السَّحَابَ الثِّقَالَ ﴿١٢﴾

(b) Dikatakan kepada orang-orang musyrikin bahawa bukan sahaja malaikat memuji dan bertasbih kepada Allah, malah kilat dan guruh juga turut bertasbih. Allahlah tuhan yang Maha berkuasa, kuat dan perkasa. Betul-betul ketika mereka sedang bertengkar tentang Allah, Allah melepaskan petir dan halilintar terhadap mereka (Ayat: 13).

وَيُسَبِّحُ الرَّعْدُ بِحَمْدِهِ وَالْمَلَائِكَةُ مِنْ خِيفَتِهِ وَيُرْسِلُ الصَّوَاعِقَ فَيُصِيبُ بِهَا مَنْ يَشَاءُ وَهُمْ يُجَادِلُونَ فِي اللَّهِ وَهُوَ شَدِيدُ الْحَالِ ﴿١٣﴾

(c) Dikatakan kepada orang-orang musyrikin bahawa Allahlah yang berkuasa melapangkan dan menyempitkan rezeki, mereka sepatutnya tidak seronok dan berpuas hati dengan kehidupan dunia ini sahaja (Ayat: 26).

اللَّهُ يَبْسُطُ الرِّزْقَ لِمَنْ يَشَاءُ وَيَقْدِرُ وَفَرَحُوا بِالْحَيَاةِ الدُّنْيَا وَمَا الْحَيَاةُ الدُّنْيَا فِي الْآخِرَةِ إِلَّا مَتَاعٌ ﴿٢٦﴾

3. Di dalam Surah ar-Ra'd juga terdapat tuntutan kepada manusia supaya menerima tauhid doa dan tauhid ibadat.

Setelah dijelaskan kepada musyrikin Mekah tentang tauhid ilmu, mereka dituntut supaya menerima tauhid doa dan tauhid ibadat.

(a) Diperjelaskan kepada orang-orang musyrikin bahawa menyeru kepada Allah dan berdoa kepadaNya jua merupakan satu tindakan yang benar. Tuhan-tuhan selain Allah (مِنْ دُونِ اللَّهِ) tidak dapat menyahut seruan mereka, menyeru mereka sama seperti menyeru air supaya datang ke mulut. Doa orang-orang kafir tak ubah seperti suara yang bergema di padang sahara lalu lenyap begitu sahaja (Ayat: 14).

لَهُ دَعْوَةُ الْحَقِّ وَالَّذِينَ يَدْعُونَ مِنْ دُونِهِ لَا يَسْتَجِيبُونَ لَهُمْ بِشَيْءٍ إِلَّا كَبْسِطٍ كَفِّهِ إِلَى الْمَاءِ لِيَبْلُغَ فَاهُ وَمَا هُوَ بِبَالِغِهِ وَمَا دُعَاءُ الْكَافِرِينَ إِلَّا

(b) Diperjelaskan kepada orang-orang musyrikin bahawa Allah mengetahui akan apa yang dikandung oleh tiap-tiap ibu dan mengetahui apa yang kurang dari yang dikandung dalam rahim itu atau apa yang lebih dan tiap-tiap sesuatu adalah ditetapkan di sisiNya dengan kadar yang tertentu. (Ayat: 8).

اللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَحْمِلُ كُلُّ أُنْثَىٰ وَمَا تَغِيضُ الْأَرْحَامُ وَمَا تَزْدَادُ وَكُلُّ شَيْءٍ عِنْدَهُ بِإِحْدَادٍ ٨

(c) Diperjelaskan juga kepada orang-orang musyrikin bahawa Allah mengetahui segala perkara ghaib dan perkara yang nyata, Dialah tuhan yang Maha tinggi lagi Maha agung (Ayat: 9).

عَلِيمُ الْغَيْبِ وَالشَّهَادَةِ الْكَبِيرُ الْمُتَعَالِ ٩

(d) Ketika menjelaskan tentang tauhid ilmu, dikatakan bahawa kepada Allah seruan manusia dengan suara yang keras atau perlahan sama sahaja, Dia tidak seperti makhlukNya, kepada Allah segala pergerakan yang berlaku ketika siang dan segala perkara yang tersembunyi dalam kegelapan malam sama sahaja (Ayat: 10).

سَوَاءٌ مِّنْكُمْ مَّنْ أَسَرَّ الْقَوْلَ وَمَنْ جَهَرَ بِهِ وَمَنْ هُوَ مُسْتَخْفٍ بِاللَّيْلِ وَسَارِبٌ بِالنَّهَارِ ١٠

4. Antara kesalahan orang-orang musyrikin yang disebutkan di dalam Surah ar-Ra'd ialah mereka mengamalkan kesyirikan.

Kesalahan pertama golongan musyrikin Mekah yang disebutkan di dalam Surah ar-Ra'd ialah mereka menyekutukan Allah dengan sesuatu yang lain وَجَعَلُوا لِلَّهِ شُرَكَاءَ (Ayat: 16 dan 33).

5. Antara kesalahan golongan musyrikin Mekah yang tersebut di dalam Surah ar-Ra'd lagi ialah mereka menolak kerasulan.

Kesalahan kedua orang-orang musyrikin Mekah yang tersebut di dalam Surah ar-Ra'd ialah mereka menolak kerasulan Muhammad (Ayat: 43).

وَيَقُولُ الَّذِينَ كَفَرُوا لَسْتَ مُرْسَلًا قُلْ كَفَىٰ بِاللَّهِ شَهِيدًا بَيْنِي وَبَيْنَكُمْ وَمَنْ عِنْدَهُ عِلْمُ الْكِتَابِ ٤٣

Orang-orang kafir Quraisy berkata bahawa Muhammad bukan seorang rasul yang diutuskan Allah, berilah jawapan kepada mereka bahawa cukup Allah sebagai saksi antara aku dan kamu, kesaksian orang-orang yang ada padanya kitab juga cukup sebagai saksi.

6. Antara kesalahan orang-orang musyrikin Mekah yang tersebut di dalam Surah ar-Ra'd ialah mereka tidak percaya kepada hari kemudian.

Kesalahan ketiga golongan musyrikin Mekah yang tersebut di dalam Surah ar-Ra'd ialah mereka tidak

percaya kepada hari kemudian.

(a) Bantahan orang-orang musyrikin cukup pelik apabila mereka mengatakan: “Bagaimana kita akan dihidupkan semula setelah kita menjadi tanah?” Leher mereka sebenarnya terbelenggu dengan kepercayaan nenek moyang, kerana itulah mereka mengingkari rububiyyah Allah. Tuhan kepada sekalian manusia tentu sekali berkuasa menghidupkan kembali manusia. (Ayat: 5).

وَإِنْ تَعَجَّبَ فَعَجَبٌ قَوْلُهُمْ أَإِذَا كُنَّا تُرَابًا أَعْنَا لَعَلِّي خَلَقَ بَدِيدٌ أُولَئِكَ الَّذِينَ كَفَرُوا بِرَبِّهِمْ وَأُولَئِكَ الْأَغْلَالُ فِي أَعْتَابِهِمْ وَأُولَئِكَ أَصْحَابُ النَّارِ هُمْ فِيهَا خَالِدُونَ ﴿٥﴾

Setelah dikemukakan dalil-dalil kepada orang-orang musyrikin Mekah, diharapkan mereka dapat percaya akan pertemuan dengan tuhan di suatu hari nanti (Ayat: 2).

اللَّهُ الَّذِي رَفَعَ السَّمَوَاتِ بِغَيْرِ عَمَدٍ تَرَوْنَهَا ثُمَّ أَسْتَوَىٰ عَلَى الْعَرْشِ وَسَخَّرَ الشَّمْسَ وَالْقَمَرَ كُلٌّ يَجْرِي لِأَجَلٍ مُّسَمًّى يُدَبِّرُ الْأَمْرَ يُفَصِّلُ الْآيَاتِ لَعَلَّكُمْ بِلِقَاءِ رَبِّكُمْ تُوقِنُونَ ﴿٢﴾

7. Antara kesalahan orang-orang musyrikin Mekah ialah mereka membuat bermacam-macam tipu daya dan helah jahat.

Kesalahan ke-empat orang-orang musyrikin Mekah mengikut sebagaimana yang tersebut di dalam Surah ar-Ra'd ialah mereka membuat bermacam-macam rancangan jahat dan tipu daya.

(a) Diperjelaskan kepada orang-orang musyrikin bahawa mereka berasa perancangan jahat yang dibuat oleh mereka dalam menghalang manusia daripada jalan tauhid sebagai sesuatu yang baik (Ayat: 33).

بَلْ زَيْنَ لِلَّذِينَ كَفَرُوا مَكْرُهُمْ وَضُدُّوا عَنِ السَّبِيلِ

(b) Diperjelaskan kepada orang-orang musyrikin bahawa perancangan jahat mereka terhadap Islam bukanlah suatu perkara baharu, bangsa-bangsa yang kafir dahulu juga telah menggunakan taktik yang sama, tetapi mereka perlu sedar bahawa mereka tidak dapat melawan perancangan Allah (Ayat: 42).

وَقَدْ مَكَرَ الَّذِينَ مِنْ قَبْلِهِمْ فَلِلَّهِ الْمَكْرُ جَمِيعًا

8. Di dalam Surah ar-Ra'd terdapat suatu tamsilan yang sangat cantik untuk menjelaskan perbezaan di antara tauhid dan syirik.

Di dalam Surah ar-Ra'd, perbezaan di antara haq dan bathil iaitu tauhid dan syirik dikemukakan dengan jelas sekali.

(a) Suatu tamsilan dikemukakan kepada orang-orang musyrikin supaya mereka mudah memahami hakikat bahawa limpahan rahmat yang dibawa oleh al-Qur'an adalah suatu yang luas dan umum, ia

ibarat hujan. Setiap lembah menerima air hujan sesuai dengan keadaannya, buih-buih terapung dan kemudiannya lenyap, sementara bahan-bahan mineral yang berguna larut di dalam air lalu kemudiannya menjadikan bumi subur menghijau. Syirik adalah suatu yang karut, ia akan lenyap, sementara tauhid adalah suatu yang berguna, ia akan meresap dan berakar umbi di dalam jiwa-jiwa manusia (Ayat: 17).

أَنْزَلَ مِنَ السَّمَاءِ مَاءً فَسَالَتْ أَوْدِيَهُمْ بِقَدَرِهَا فَاحْتَمَلَ السَّيْلُ زَبَدًا رَابِيًا وَمِمَّا يُوقِدُونَ عَلَيْهِ فِي النَّارِ ابْتِغَاءَ حِلْيَةٍ أَوْ مَتَاعٍ زَبَدٌ مِثْلَهُ كَذَلِكَ يَضْرِبُ اللَّهُ الْحَقَّ وَالْبَاطِلَ فَأَمَّا الزَّبَدُ فَيَذْهَبُ جُفَاءً وَأَمَّا مَا يَنْفَعُ النَّاسَ فَيَمْكُثُ فِي الْأَرْضِ كَذَلِكَ يَضْرِبُ اللَّهُ الْأَمْثَالَ ﴿٣٧﴾

(b) Dikatakan kepada orang-orang musyrikin bahawa mereka benar-benar buta dan bodoh, kerana itulah mereka tidak mahu menerima al-Qur'an yang diturunkan oleh Allah. Nasihat al-Qur'an hanya dapat diterima oleh orang-orang yang celik dan beraqal (اولو الالباب) (Ayat: 19).

﴿أَفَمَنْ يَعْلَمُ أَنَّمَا أُنْزِلَ إِلَيْكَ مِنْ رَبِّكَ الْحَقُّ كَمَنْ هُوَ أَعْمَىٰ إِنَّمَا يَتَذَكَّرُ أُولُو الْأَلْبَابِ ﴿١٩﴾﴾

(c) Tauhid doa dikatakan benar dan syirik dalam doa pula dikatakan karut. Tuhan-tuhan yang disembah selain Allah tidaklah dapat menyahut apa-apa seruan penyembahnya (Ayat: 14).

لَهُ دَعْوَةُ الْحَقِّ وَالَّذِينَ يَدْعُونَ مِنْ دُونِهِ لَا يَسْتَجِيبُونَ لَهُمْ بِشَيْءٍ إِلَّا كَبْسِطٍ كَفَّيْهِ إِلَى الْمَاءِ لِيَبْلُغَ فَاهُ وَمَا هُوَ بِبَالِغِهِ وَمَا دَعَاءُ الْكَافِرِينَ إِلَّا فِي ضَلَالٍ ﴿١٤﴾